

Banjir di Perak makin pulih

» *Pusat pemindahan terus dibuka hadapi sebarang kemungkinan*

Oleh **Nor Azizah Mokhtar**
norazizah@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Banjir di Perak dilaporkan semakin pulih dengan semua mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Bagaimanapun, semua pusat pemindahan di negeri itu terutama di Hilir Perak masih lagi dibuka sebagai langkah berjaga-jaga jika banjir berulang.

Sungai Langat naik mendadak

Situasi berbeza berlaku di Selangor apabila Pusat Pemindahan Dewan Orang Ramai Dengkil dibuka semula pada jam 4.30 pagi semalam, berikutan paras air Sungai Langat di Dengkil naik mendadak disebabkan hujan lebat kelmarin.

Seramai 102 orang daripada 28 keluarga dari beberapa kawasan penempatan di situ berpindah semula ke pusat pemindahan terbabit bagi menjamin keselamatan mereka.

Sehingga jam 6.30 petang semalam, Portal Banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN) melaporkan 1,512 mangsa masih ditempatkan di 12 pusat pemindahan banjir di Johor, Selangor dan Melaka.

Selangor mencatat jumlah tertinggi mangsa dipindahkan dengan 1,063 orang di enam pusat pemindahan iaitu empat di Kuala Langat dan dua

lagi di Sepang.

"Kampung Seri Bestari, Bestari Jaya di Kuala Selangor antara kawasan yang baru dilaporkan berlaku banjir dan ketika ini seramai 33 mangsa dari lapan keluarga dipindahkan ke Balai Raya Kampung Seri Makmur, Bestari Jaya.

"Banjir di sekitar Dengkil, Jalan Kebun dan Bukit Changgang pula masih belum berubah," katanya.

Di **JOHOR** pula, banjir semakin pulih apabila jumlah

mangsa di lima pusat pemindahan berkurang kepada 359 orang, semalam.

Semua mangsa dari beberapa kampung dan taman perumahan sekitar daerah Batu Pahat iaitu kawasan Tongkang Pechah; Kampung Baru Sri Gading, Parit Raja; Kampung Parit Yusof Darat dan Kampung Parit Betong, Parit Sulong.

Sementara itu, keadaan di Melaka masih belum berubah dengan 90 daripada 19 keluarga mangsa masih berada di pusat pemindahan di Sekolah Kebangsaan Tehel di Jasin, semalam.

"Walaupun banjir di semua negeri terbabit semakin pulih dalam tempoh 48 jam lalu, langkah berjaga-jaga masih diambil berikutan ramalan hujan lebat akan berlarutan sepanjang minggu ini.

"Penduduk di kawasan berisiko perlu sentiasa berjaga-jaga dan perlu segera berpindah jika diarahkan," katanya.

FAKTA NOMBOR

1,512 orang

mangsa masih ditempatkan di pusat pemindahan di Johor, Selangor dan Melaka